

# Tempoh nikmati taraf berpencen dikurangkan

BM 13 OCT 1991

KUALA LUMPUR: Tempoh bagi kakitangan awam menikmati taraf berpencen dikurangkan daripada 10 tahun kepada tiga tahun mulai tahun depan menerusi Sistem Saraan Baru yang diumumkan semalam.

Di samping itu, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kerajaan juga akan mengambal semula kakitangan yang dibersarakan kerana alasan kesihatan, kembali berkhidmat di sektor awam setelah disahkan sembuh sepenuhnya.

"Beberapa elaun dan kemudahan yang dinikmati oleh kakitangan awam se-

karang juga akan diubahsuai atau digugurkan mengikut Sistem Saraan Baru menggantikan sistem gaji yang dilaksanakan sekarang," katanya dalam sidang akhbar di sini.

Datuk Seri Dr Mahathir ketika mengumumkan Laporan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Gaji Sektor Awam, berkata pengubahsuaian dan pengurangan itu dilakukan selaras dengan rasional dan prinsip sistem baru itu.

Beliau berkata, pelbagai insentif seperti elaun dan kemudahan baru yang disediakan itu antara lain bertujuan menyekat golongan profesional seperti dok-

tor dan jururawat meniggalkan perkhidmatan awam serta mewujudkan masyarakat penyayang.

Menurutnya, elaun dan kemudahan itu meliputi bayaran insentif perkhidmatan kritikal seperti doktor, jururawat dan guru yang mengajar mata pelajaran kemahiran; kemudahan cuti menjaga anak; cuti isteri bersalin dan kemudahan pinjaman membeli komputer peribadi.

Bagaimanapun, bayaran insentif bagi perkhidmatan kritikal itu akan dikaji dari semasa ke semasa.

Bagi cuti menjaga anak, beliau berkata: "Ia diperuntukkan kepada suami selama tiga hari. Bagaimana-

pun saya harap ia diambil tidak melebihi lima kali".

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan turut memperuntukkan elaun lebih masa kepada kakitangan Kumpulan B mengikut syarat yang ditetapkan (sebelum ini hanya untuk Kumpulan C dan D) yang kini kategori itu diletakkan dalam Kumpulan Sokongan.

Beliau berkata, kerajaan juga akan membenarkan kakitangannya menuntut bayaran tempat letak kereta apabila mereka bertugas di luar kawasan pejabat yang tidak menyediakan tempat meletak kereta secara percuma.